

Alam Wanita

Perkahwinan Dapat Menolong Atau Menghalang Kehidupan Beragama

Dalam rencana yang lalu telah diterangkan tentang untungnya perkahwinan dan juga tentang ruginya perkahwinan, maka ikutilah pula sambungan rencana ini yang mengenai sifat-sifat isteri, upacara perkahwinan, perlakuan terhadap isteri, pemeliharaan isteri dan hak-hak suami.

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Sifat-sifat Isteri

Yang paling penting dari segala sifat-sifat yang mesti dipunyai oleh seorang isteri ialah berkelakuan baik, sopan santun dan sebagainya. Kalau seorang isteri melakukan sesuatu perbuatan yang tidak sopan sedang suaminya mendiamkan diri, maka suami itulah yang mendapat nama buruk dan kehidupan agamanya terhalang. Dan kalau kemudian suaminya turut mencampuri urusan isterinya terjadilah pertengkaran yang menyebabkan kehidupannya menjadi pahit. Selanjutnya kalau suami menceraikannya, maka isteri akan merasakan kehidupan akibat dari perceraian tersebut.

Seorang isteri yang mengikut ukuran hawa nafsu terpendang cantik adalah lebih berbahaya. Orang seperti itu lebih baik tidak dikahwini. Rasulullah bersabda yang maksudnya: "Barang siapa mencari isteri hanya sekadar mencari kecantikan semata-mata, atau hartanya sahaja, maka ia akan kehilangan kedua-duanya."

Sifat kedua yang mesti dipunyai oleh isteri ialah akhlak yang baik. Seorang isteri yang berperangai buruk, atau tidak tahu berterima kasih, atau suka

bercakap-cakap yang tidak-tidak, atau suka memerintah ini dan itu, maka isteri yang demikian akan menjadi penghalang dalam kehidupan beragama yang tenang tenteram.

Sifat ketiga yang mesti dipunyai oleh seorang isteri ialah kebersihan. Iaitu ia mesti mempunyai daya yang menerbitkan cinta dan kasih sayang suami kepadanya. Kerana itulah biasanya seseorang akan melihat terlebih dahulu bakal isterinya sebelum ia mengahwininya.

Nabi (S.A.W) pernah bersabda yang maksudnya: "Barang siapa hendak mengahwini seseorang perempuan hendaklah melihat lebih dahulu bakal isterinya itu."

Orang arif bijaksana mengatakan: bahawa siapa mengahwini seorang perempuan dengan tidak mengetahui keadaannya terlebih dahulu, pasti akan menyesal di belakang hari. Memang benar, seseorang yang kahwin dengan perempuan bukan kerana kecantikannya, ini tidak bererti kecantikan itu akan disisihkan begitu sahaja.

Keempat, kemestian itu menunjukkan bahawa sejumlah wang telah dibayarkan oleh suami kepada isterinya berupa mas kahwin dengan secara patut. Dalam hubungan ini

Rasulullah (S.A.W) pernah mengatakan yang maksudnya: “Sifat yang baik bagi seorang isteri ialah sekalipun dia cantik, rela menerima mas kahwin yang sedikit.” Baginda sendiri sewaktu menikah dengan salah seorang isterinya hanya membayar mas kahwin sebanyak sepuluh dirham. Malah puterinya sendiri sewaktu menikah menerima mas kahwin tidak melebihi dari empat ratus dirham.

Kelima, isteri itu hendaknya tidak mandul.

“Sehelai tikar usang yang terbentang di sudut rumah lebih baik dari seorang isteri yang mandul.” Demikian kata peribahasa.

Sifat-sifat lain yang perlu dipunyai oleh seorang isteri ialah, keadaannya biarlah laksana gudang yang mempunyai persediaan bagi melahirkan keturunan.

Upacara Perkahwinan

Perkahwinan merupakan adat keagamaan, dengan demikian hendaklah dilangsungkan menepati dengan aturan dan cara agama. Kalau tidak, maka perkahwinan itu akan bersifat percampuran kelamin binatang-binatang. Peraturan agama menyuruh membuat jamuan pada setiap diadakan perkahwinan. Ada diriwayatkan, tatkala ‘Abd al-Rahman bin ‘Awf bernikah, Rasulullah (S.A.W) berkata kepadanya: “Buatlah jamuan (walimah) walaupun dengan seekor kambing.”

Tatkala Rasulullah (S.A.W) sendiri merayakan perkahwinan mereka dengan isterinya Safiyah, diadakannya jamuan perkahwinan dengan hidangan-hidangan buah kurma.

Juga agama meluluskan dalam upacara perkahwinan itu mengadakan majlis bunyi-bunyian, lagu-lagu dan sebagainya, kerana manusia adalah merupakan mahkotanya makhluk.

Perlakuan Terhadap Isteri

Seorang suami memang ingin tetap tinggal rukun

damai dengan isterinya. Hal ini tidak bererti yang dirinya tidak pernah menyakiti hati isterinya, tetapi yang penting baginya ialah menahan sesuatu kejengkelan yang dilakukan oleh isterinya terhadap dirinya, disebabkan isterinya tidak berbudi atau tidak tahu berterima kasih dan sebagainya.

Sebenarnya perempuan itu diciptakan berkeadaan lemah dan menghendaki perlindungan. Kerana itulah ia dilahirkan dengan segala sifat kesabarannya yang tersendiri. Dalam hubungan ini pernah Rasulullah (S.A.W) mengatakan yang maksudnya: “Barang siapa yang kuat menahan kemarahan isterinya dengan kesabaran, maka ia akan mendapat pahala yang pernah diberikan kepada Nabi Ayyūb *‘alayhi al-salām* orang yang sangat kuat menahan kesabaran atau penderitaan-penderitaan yang dialaminya.”

Pernah juga Rasulullah (S.A.W) mengatakan yang maksudnya: “Sebaik-baik kamu ialah orang yang berbuat baik kepada keluarganya sebagaimana saya sendiri berbuat baik kepada keluarga saya.”

Seorang suami hendaknya jangan membenci kepada apa yang menjadi kegemaran dan hiburan isterinya serta tidak pula menyekatnya. Nabi (S.A.W) sendiri pernah berlumba lari dengan isterinya ‘Ā’ishah. Sebenarnya sukarlah dicari bandingannya tentang keramah-tamahan seorang suami terhadap isterinya seperti halnya Nabi (S.A.W) dengan isterinya.

Orang arif bijaksana berkata: “Seorang suami hendaknya ketika pulang ke rumah dia tersenyum, makan akan apa yang ada disediakan oleh isterinya, dan jangan menanyakan hal-hal yang tidak ada, tetapi tidak pula sampai memanja-manjakan isterinya. Kalau sekiranya ia melihat sesuatu kesalahan pada isterinya hendaklah memaafkannya.

Rasulullah (S.A.W) pernah mengatakan yang maksudnya: “Celakalah suami yang mahu dia dijadikan khadam oleh

isterinya, sebaliknya itulah yang mesti mengabdikan kepada suaminya.”

Pada hakikatnya ada beberapa kesalahan yang terdapat pada golongan kaum wanita, iaitu kalau mereka diberi izin sedikit sahaja, maka mereka keluar dari pengamatan-pengamatan suami dan keluarga. Jadi kalau hal mereka telah berlaku demikian, sukarlah hendak mengembalikan mereka ke dalam pemeliharaan semula. Di dalam pergaulan dengan kaum wanita hendaknya seseorang itu berusaha mempergunakan campuran antara kekerasan dengan kelembutan. Pernah Nabi (S.A.W) menyatakan yang maksudnya: “Wanita itu terjadi dari tulang rusuk yang bengkok. Kalau engkau hendak meluruskannya bererti engkau akan mematahkannya. Kalau engkau biarkan, ia akan menjadi semakin bengkok. Oleh sebab itu perlakukanlah mereka dengan cara yang lemah lembut.

Pemeliharaan Isteri

Berkenaan dengan sifat sopan santun, hendaknya berhati-hati – jangan membiarkan isteri dilihat atau terlihat oleh orang ajnabi (bukan mahramnya). Disebabkan segala kejahatan bermula dari pandangan mata, maka sedapat mungkin hendaknya ia jangan diizinkan keluar rumah melainkan kerana hajat yang mustahak. Ini bukanlah kerana cemburu atau bertujuan mengerasinya.

Pada suatu hari Nabi (S.A.W) pernah bertanya kepada puterinya Fāṭimah: “Perkara apakah yang sangat baik bagi perempuan?” Fāṭimah menjawab: “Mereka tidak memandang lelaki yang ajnabi dan tidak pula dipandang oleh lelaki ajnabi itu.” Mendengar ucapan puterinya itu baginda sangat terharu kerana kegirangan, lalu dipeluknya sambil bersabda: “Sungguh! Engkau adalah sebahagian dari hatiku.”

Saiyidina ‘Umar pula sebagai Khalifah orang-orang Islam telah berkata: “Janganlah engkau berikan pakaian yang indah-indah kepada kaum perempuan, kerana kalau mereka sudah mempunyai

pakaian yang demikian, mereka suka sekali keluar rumah.”

Di zaman Nabi (S.A.W) kaum perempuan itu pernah diizinkan pergi sembahyang di masjid dan berdiri di saf bahagian belakang, tetapi hal yang demikian itu kemudiannya oleh Saiyidina ‘Umar telah dilarang.

Seorang suami tentu berniat memelihara isterinya, memberi bantuan berupa wang dan alat-alat keperluan rumah tangga mereka dengan tidak membatasnya. Memberi nafkah dan pemeliharaan yang sepatutnya kepada isteri, adalah lebih baik daripada memberi derma (sedekah). Dalam hubungan ini Rasulullah (S.A.W) telah menyatakan yang maksudnya: “Seandainya seorang lelaki memberikan hartanya pada jalan Allah sebanyak sepuluh dinar, yang kedua memberi makan seorang hamba sahaya, yang ketiga bermurah hati, dan yang keempat memberi nafkah kepada isterinya, maka pemberian yang paling akhir ini pahalanya melebihi dari lainnya.”

Seorang lelaki tidak akan makan sesuatu barang yang terdandang baik olehnya, atau kalau ia sudah memakannya ia diam sahaja tentang itu dan tidak akan memuji makanan tersebut sebelum ia memuji isterinya terlebih dahulu. Dan adalah lebih baik kalau suami itu makan bersama-sama dengan isterinya – kalau tak ada tamu. Kerana Nabi (S.A.W) pernah bersabda yang maksudnya: “Apabila mereka berbuat begitu maka Allah akan memberikan berkat kepada mereka dan malaikat pun mendoakan mereka.” Dan yang terpenting dari semua perkara ini hendaklah seseorang suami itu memberi nafkah isterinya dari harta yang halal.

Hak-hak suami

Kalau seorang isteri derhaka dan tidak patuh terhadap suaminya, maka suami itu hendaknya bertindak; mula-mula sekali memberi nasihat yang lemah lembut kepadanya, kalau ini tidak berkesan maka hendaklah ia memisahkan diri – jangan berkesetiduran dengan isterinya

selama tiga malam. Jika ini juga tidak mendatangkan kebaikan bolehlah suami itu memukul isterinya, tetapi janganlah terlampau keras, jangan mengenai mukanya dan jangan sampai melukakannya.

Kalau isteri melalaikan kewajipan agama, hendaklah suami menyatakan tidak bersedang hati atas perbuatannya, ini dilakukan selama satu bulan, sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Rasulullah (S.A.W) terhadap isteri-isterinya.

Masalah besar yang harus dijaga dengan sangat berhati-hati iaitu kalau dapat janganlah sampai melakukan perbuatan perceraian atau mentalaknya, kerana walaupun talak itu suatu perkara yang halal tetapi adalah ia sangat dibenci oleh Allah dan dicela-Nya. Sesungguhnya kata-kata yang paling tidak sedap didengar oleh seorang isteri itu ialah perkataan “menceraikan”, kerana hal ini boleh menyebabkan pihak isteri menjadi sakit, dan tentunya perbuatan menyakiti orang itu agama adalah melarang. Dan walaupun perceraian atau menggugurkan talak itu merupakan suatu keharusan yang sangat diperlukan guna mencari kesempurnaan, maka cara yang dijalankan hendaknya dimulakan dengan talak satu sahaja, dan jangan sekaligus menjatuhkan talak tiga.

Menceraikan isteri hendaknya dilakukan dengan jalan yang sopan, jangan mempergunakan jalan kekerasan, kemarahan atau penghinaan. Mestilah ada alasan-alasan yang sihat. Sesudah dilakukan perceraian itu, bekas suami masih dituntut memberikan sesuatu pemberian kepada bekas isterinya untuk beberapa waktu yang ditetapkan (selama idah). Dan jangan hendaknya dijadikan bahan cerita kepada orang-orang lain bahawa bekas isterinya itu telah diceraikan kerana kesalahan yang begini dan begitu. Seorang lelaki yang baru menceraikan isterinya biasanya ditanya orang: “Mengapa engkau ceraikan dia?” Maka sepatutnya dia menjawab begini: “Saya tak akan membuka rahsia isteri saya” dan

kalau dia ditanya lagi tentang perceraianya itu hendaknya dijawab: “Saya tidak ada kena-mengena lagi dengan dia.”

Pernah Rasulullah (S.A.W) bersabda maksudnya: “Kalau sekiranya ada hak untuk mengabdikan kepada sesuatu selain Allah, maka hak itu bagi kaum isteri adalah untuk mengabdikan kepada suaminya.”

Seorang isteri hendaknya janganlah membanggakan kecantikannya di depan suaminya, dan hendaknya janganlah membalas kebaikan-kebaikan suaminya dengan sikap sebagai orang yang tidak tahu berterima kasih, dan janganlah pula mengatakan: “Mengapa engkau memperlakukan aku begini dan begitu?”

Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda yang maksudnya: “Aku telah melihat di dalam neraka dan aku lihat di dalamnya penuh dengan perempuan-perempuan, maka aku tanyakan sebabnya, dan kemudian aku menerima jawapan begini: Sebabnya ialah kerana orang-orang perempuan itu suka memakai perkataan yang kasar dan tidak tahu berterima kasih kepada suami mereka.”

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

356/358, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14.